

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP IMPLIMENTASI KURSUS PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH, KEDAH

KAMSANI BIN MD. SAAD

kms1973@yahoo.com

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Kedah

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar semester satu terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang baru diperkenalkan dalam sistem pengajian Politeknik Malaysia bagi sesi pengajian Jun 2020. Persepsi yang dikaji oleh pengkaji diukur berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan berikut; mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus ini, mengesan tahap penerimaan pelajar terhadap pengajaran pensyarah bagi kursus ini dan mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap penilaian kursus ini. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat persepsi pelajar-pelajar terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dengan beberapa pemboleh ubah bebas yang dipilih iaitu terhadap demografi jantina, agihan berdasarkan tiga Jabatan Pengajian dan persepsi pelajar terhadap aspek kandungan kursus ini, aspek pengajaran pensyarah dan aspek penilaian kursus. Sampel yang diambil melalui kajian ini terdiri daripada 214 sampel pelajar semester satu daripada kalangan lelaki dan wanita, mewakili tiga Jabatan Pengajian di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah. Data kajian dianalisa secara deskriptif dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for Social Sciences (SPSS Statistics 22.0)*'. Secara keseluruhannya, dapatan analisa data mendapati penerimaan pelajar terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bagi tiga aspek iaitu pada aspek kandungan kursus (min=4.452), aspek pengajaran pensyarah (min=4.532) dan aspek penilaian kursus (min=4.443), ketiga-tiga aspek menunjukkan penerimaan pelajar adalah sangat tinggi. Implikasi kajian ini membuka ruang kepada pensyarah untuk menambah baik proses PdP dan menjadikan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sebagai satu platform kepada pelajar untuk menambah pengetahuan tentang ilmu peradaban yang bermoral dalam kehidupan di samping menguasai kemahiran generik yang berkaitan.

Kata kunci: Penghayatan Etika dan Peradaban, kandungan kursus, pengajaran pensyarah, penilaian kursus, kemahiran generik

1. Pengenalan

Etika amat penting dalam segenap kehidupan manusia..Ia perlu diterapkan kepada seluruh individu, keluarga, organisasi, masyarakat dan negara kerana etika akan membantu kepada pembentukan keharmonian, kesejahteraan dan kedamaian hidup. Menurut Thiroux (2001) etika merupakan teori yang berkaitan dengan tindakan, hujah dan tujuan yang mengarah kepada makna sesuatu tindakan yang dilakukan seseorang. Ia merupakan falsafah moral yang mengambil kira tindakan atau tingkahlaku manusia. Ia memberikan tumpuan terhadap tingkahlaku individu, iaitu bagaimana manusia bertingklaku dalam sesuatu keadaan. Namun begitu Nazimuddin (2005) berpandangan bahawa etika merupakan suatu proses pemikiran tentang baik dan buruk berkaitan perilaku seseorang. Justeru, dalam erti kata yang mudah etika ialah sistem yang didasari akhlak atau tingkahlaku manusia. Manusia yang memiliki etika yang baik akan dapat membezakan antara perkara baik dan buruk dengan betul.

Tafsiran terhadap istilah peradaban dari sudut bahasa mempunyai pelbagai maksud dan pengertian tersendiri. Terminologi peradaban atau kadangkala disebut sebagai

'tamadun' telah dikupas oleh para sarjana dari sudut pelbagai disiplin mengikut pandangan masing-masing. Menurut Nur Farhana Abdul Rahman dan Khadijah Mohd Khambali (2013) pengertian peradaban sering kali disamakan dengan pengertian tamadun yang merujuk kepada pencapaian dan kemajuan sesebuah bangsa dan masyarakat meliputi aspek rohani dan jasmani. Antara sarjana Muslim terawal yang mengutarakan konsep peradaban atau tamadun ini ialah Abu Nasir al-Farabi melalui kitabnya *al-Siyasah al-Madaniyyah* yang memperkenalkan istilah *al-Madaniyyah* pada abad kesebelas Masehi. Istilah tersebut kemudiannya dipopularkan oleh sarjana Arab seperti Muhammad Farid Wajdi dan Syeikh Muhammad Abduh (M.A.J. Beg, 1980). Istilah tamadun yang berasal daripada perkataan Arab telah lama diterima pakai dalam perbendaharaan bahasa Melayu yang dipopularkan oleh Jurji Zaydan sejak abad ke-19 Masehi.

Menurut Naquib al-Attas (1992), istilah tamadun memberikan pengertian kehidupan insan bermasyarakat telah mencapai tahap kehalusan tata susila dan kebudayaan yang luhur. Terminologi lain yang juga merujuk kepada pengertian peradaban ialah '*umran*' dan '*al-hadharah*' yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun pada abad ke-14 Masehi. Kesemua istilah yang dibincangkan merujuk kepada satu tujuan yang sama, iaitu pembangunan kota, kehalusan tata susila, kebudayaan dan kehidupan berteraskan akidah, syariah dan akhlak yang mulia.

Dalam konteks Malaysia, kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam kepelbagaian masyarakat perlu diterapkan kepada setiap individu bagi meningkatkan penghayatan mereka ke arah kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Justeru, peradaban dalam acuan Malaysia perlu dikembangkan melalui aktiviti akademik berpandukan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana bagi etika dan peradaban. dipengaruhi oleh globalisasi perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang begitu kompleks. Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban perlu menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial yang mesti digerakkan oleh semua peringkat bermula dari individu, keluarga, komuniti, masyarakat dan seterusnya kerajaan bagi mencapai satu bentuk peradaban acuan Malaysia yang unik dan tersendiri.

2. Pernyataan Masalah

Penghayatan Etika dan Peradaban dengan kod kursus MPU21032 telah dijadikan satu kursus wajib di Politeknik Malaysia bermatlamat memperkenalkan pelajar dengan nilai yang baik dan positif. Kursus ini diperkenalkan buat pertama kalinya bermula pada semester Jun 2020, sebagai mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban melalui kepelbagaian etnik di Malaysia sebagai satu matlamat memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal dalam menangani kehidupan yang kian mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Justeru, kursus ini diwujudkan bagi melahirkan pelajar yang berakhlak mulia adalah dengan memberi penekanan kepada aspek kefahaman yang jelas berkaitan nilai etika dan moral yang menjurus kepada pembinaan peradaban.

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang terdapat di Politeknik telah dijadikan sebahagian daripada kandungan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) yang dilaksanakan dalam sistem pengajian di Politeknik Malaysia. Kursus ini mempunyai dua jam kredit yang merangkumi agihan waktu belajar (*student learning time*) sebanyak 80 jam bagi satu semester sepenuhnya. Penawaran kursus ini diperuntukkan secara wajib kepada pelajar- pelajar semester satu Politeknik Malaysia dengan objektifnya seperti berikut:

- i) membentangkan konsep etika dan peradaban dalam kepelbagaian tamadun.
- ii) menerangkan sistem, tahap perkembangan, kesepaduan sosial dan kebudayaan merentas bangsa di Malaysia.
- iii) mencadangkan sikap yang positif terhadap isu dan cabaran kontemporari dari perspektif etika dan peradaban.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus ini dilakukan secara dua kaedah iaitu kaedah kuliah dan tutorial. Pelaksanaan penilaian bagi kursus ini juga dinilai melalui kaedah pentaksiran berterusan (PB) dengan jumlah markah keseluruhannya adalah 100%. Ini bermakna pemantauan pentaksiran daripada pensyarah adalah berlaku sepanjang satu semester. Elemen-elemen yang diadun dalam kursus ini akan menjadi bekalan kepada para pelajar untuk berhadapan dengan dunia luar yang realistik. Selain itu, matlamat kursus ini adalah bagi melahirkan teknokrat separa professional yang berpegang teguh kepada prinsip etika dan moral.

Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejauh penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, kerana ia merupakan satu kursus baru di Politeknik dan mula diperkenalkan buat pertama kalinya pada sesi pengajian semester Jun 2020.

Hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu, seperti pihak penggubal silibus kursus dalam menambah baik aspek kandungan dan kaedah pentaksiran kursus. Manakala kepada tenaga pengajar pula, ia memberi ruang kepelbagaian kaedah dan strategi pengajaran agar ia mampu menarik minat pelajar untuk menghayati kursus ini di samping menjadikan pelajar lebih bermoral dan professional dalam kerjaya yang diceburi.

3. Sorotan Literatur

Berdasarkan carian terhadap sorotan kajian yang bakal dilakukan, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian telah dilakukan dalam format yang hampir sama dengan kajian ini yang berbeza hanyalah nama kursus yang dijadikan bahan kajian.

Jika dilihat latar belakang pelajar Politeknik yang mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, maka mereka adalah pelajar yang berorientasikan kemahiran kejuruteraan dan teknologi yang mempraktikkan pembelajaran mereka secara praktikal atau "*hands on*". Maka, kelaziman proses pembelajaran mereka lebih banyak menggunakan peralatan dan mesin (*machine and tools*) (Abd. Rashid 2015) berbanding kursus ini yang mereka pelajari lebih bersifat kepada teori. Cabaran utama di sini hal sebegini dikaitkan dengan sikap pelajar yang berorientasikan teknikal menghadapi masalah kurang berminat dalam pelajaran dan pembelajaran secara teori (Mohd Effendi et al. 2014) dan mereka menghadapai masalah tidak cekap dalam menguruskan masa (Azeem dan Nadawiyya 2012) sehingga menyebabkan kurang

keyakinan diri dalam melaksanakan tugas akademik (Nur Khayati et al. 2017). Ini adalah seiring dengan pandangan Nur Khayati et al. (2017) yang menyatakan bahawa sikap pelajar terhadap kursus seperti pendidikan Islam dan pendidikan Moral juga merupakan satu masalah bagi pelajar-pelajar teknikal iaitu tidak memberikan fokus. Cabaran-cabaran seumpama ini jika tidak dikendalikan dengan baik maka akan merencatkan hala tuju agenda pendidikan negara. Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini amat wajar dilakukan untuk melihat penerimaan pelajar terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Politeknik.

4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

- 1) mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.
- 2) mengesan tahap penerimaan pelajar terhadap pengajaran pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.
- 3) mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap penilaian kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

5. Metodologi Kajian

Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini menggunakan kajian kuantitatif yang menganalisa data secara deskriptif. Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengetahui peratusan, min serta sisihan piawai bagi pembolehubah yang berkaitan. Menurut William Wiersma (1986), kajian yang menggunakan kaedah sebegini lazimnya merupakan kajian yang bersistematik kerana pembolehubah-pembolehubah tidak dimanipulasikan oleh pengkaji berkenaan.

Set borang soal selidik digunakan bagi kajian ini. Soal selidik ini diubah suai daripada sebuah instrumen kajian yang pernah dijalankan oleh Rubiah & Abdul Manan (2015). Set borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama yang melibatkan soalan berbentuk 5 skala Likert. Bahagian satu berkaitan dengan demografi responden kajian. Bahagian dua dipecahkan kepada tiga elemen iaitu persepsi terhadap kandungan kursus, persepsi terhadap pengajaran pensyarah kursus dan persepsi terhadap penilaian kursus.

Responden diperlukan memberi jawapan berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan mengikut bahagian-bahagian yang disediakan. Responden diberi lima pilihan jawapan dengan menggunakan skala Likert dalam borang soal selidik, iaitu; (1) Amat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju, dan (5) Amat Setuju.

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, sebuah kajian rintis (*pilot-test*) telah dijalankan pada bulan Oktober 2020 bagi 30 orang responden yang dikecualikan untuk kajian sebenar. Keputusan yang diperolehi melalui analisa '*Cronbach's Alpha*' menunjukkan indeks ketekalan terhadap kesemua item yang terkandung dalam soal selidik berada antara jarak 0.61 hingga 0.85. Menurut Nunally (1969), nilai '*Cronbach's Alpha*' yang melebihi 0.60 menjelaskan bahawa nilai kebolehpercayaan adalah tinggi terhadap item yang dibina.

Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan analisa berpandukan kepada jadual skor min Jainabee & Jamil (2009) seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-1.80	Sangat Rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.40	Sederhana
3.41-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Jainabee & Jamil (2009)

Melalui kajian ini, populasi keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bagi sesi Jun 2020 ialah seramai 472 orang, terdiri daripada pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Pelajar-pelajar ini wajib mengambil kursus ini sebagai pra syarat mendapatkan pengiktirafan diploma bagi program pengajian masing-masing.

Bagi menentukan jumlah sampel dalam kajian ini, pengkaji mengguna pakai jadual penentuan sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Oleh itu, berdasarkan kepada cadangan Krejcie dan Morgan, (1970) jumlah populasi seramai 472 orang adalah bersesuaian dengan 214 orang responden yang dilibatkan sebagai sampel kajian ini. Data yang diperolehi akan menggunakan perisian yang dikenali sebagai 'SPSS' (*Statistical Package For Social Science*) versi 22.0 dalam mengemukakan dapatan kajian berdasarkan prosedur-prosedur statistik deskriptif yang menganalisa skor min dan seumpamanya.

6. Analisa Dan Keputusan

Bahagian ini akan menganalisa data latar belakang responden yang dianalisa secara deskriptif. Bahagian A bagi soal selidik ini merupakan bahagian demografi iaitu taburan mengikut jantina dan taburan mengikut jabatan.

Jadual 2: Demografi Responden (Jantina)

Penilaian	Peratusan
Lelaki	36.5
Perempuan	63.5

Jadual 2 menunjukkan data demografi jantina responden. Daripada 214 orang responden yang terlibat, seramai 78 orang terdiri dari pelajar lelaki (36.5%) dan 136 orang adalah dalam kalangan pelajar perempuan (63.5%).

Jadual 3: Demografi Responden (Jabatan)

Penilaian	Peratusan
JKA (Jabatan Kejuruteraan)	45.8

Awam)	
JKM (Jabatan Kejuruteraan Mekanikal)	32.7
JKE (Jabatan Kejuruteraan Elektrik)	21.5

Jadual 3 menunjukkan analisa demografi jabatan responden. Daripada 214 orang responden yang terlibat, seramai 98 orang pelajar dari JKA (45.8%), 70 orang adalah pelajar JKM (32.7%) dan 46 orang merupakan pelajar JKE (21.5%).

6.1 Objektif Kajian 1: Mengenal Pasti Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Kandungan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

Jadual 4: Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap kandungan kursus

Penilaian	Peratusan					Min	Int.	SP
	STS	TS	TP	S	SS			
Saya berminat dengan tajuk kandungan kursus ini.	0	0.1	7.1	37.9	54.9	4.48	Sangat tinggi	0.644
Saya berminat dengan huraian kandungan kursus ini.	0	0.1	6.4	45.7	47.8	4.42	Sangat tinggi	0.626
Saya berminat untuk mendalami kandungan kursus ini.	0	0.2	8.1	43.1	48.6	4.39	Sangat Tinggi	0.664
Saya berpuas hati dengan kandungan kursus ini.	0	0.8	7.9	37.1	54.2	4.46	Sangat tinggi	0.654
Saya berpuas hati dengan lima tajuk utama.	0	0.8	7.6	35.7	55.9	4.48	Sangat tinggi	0.649
Saya berpuas hati dengan hasil pembelajaran (CLO) kandungan kursus ini.	0	0	6.5	38.6	54.9	4.48	Sangat tinggi	0.621
Kursus ini sesuai ditawarkan kepada pelajar diploma semester satu.	0	0	9.2	26.4	64.4	4.56	Sangat tinggi	0.659
Kursus ini sesuai dan berkaitan dengan isu-isu semasa.	0	0.5	7.0	33.1	59.4	4.52	Sangat tinggi	0.649
Kandungan kursus ini membuatkan saya lebih mengetahui konsep asas etika dan peradaban dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai.	0	0	5.9	28.2	65.9	4.62	Sangat tinggi	0.599
Kandungan kursus ini memberi kesan membentuk nilai moral yang baik dalam diri saya.	0	0	5.3	29.8	64.9	4.62	Sangat tinggi	0.595

Kandungan kursus ini memberi kesan untuk saya sentiasa menghadiri kelas.	0	0	9.4	40.5	50.1	4.42	Sangat tinggi	0.659
Kandungan kursus ini membuatkan saya bersedia mencari bahan rujukan tambahan yang bersesuaian.	0	0.5	14.5	43.8	41.2	4.27	Sangat tinggi	0.714
Kandungan kursus ini menyebabkan saya bersungguh untuk ke kelas dan tidak ponteng.	0	0.5	15.9	39.4	44.2	4.28	Sangat tinggi	0.739

Min keseluruhan = 4.452 Sisihan Piawai = 0.534

Melalui jadual 4, analisa data adalah berdasarkan peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap kandungan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Hasil dapatan yang diperolehi daripada pernyataan “Kandungan kursus ini membuatkan saya lebih mengetahui konsep asas etika dan peradaban dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai” dan “Kandungan kursus ini memberi kesan membentuk nilai moral yang baik dalam diri saya” mencatat min tertinggi iaitu 4.62 dan sisihan piawainya pula ialah masing-masing 0.599 dan 0.595. Terdapat sebanyak 65.9 peratus dan 64.9 peratus yang sangat setuju, 28.2 peratus dan 29.8 peratus yang setuju, 5.9 peratus dan 5.8 peratus responden tidak pasti.

Min kedua tertinggi adalah bagi pernyataan berkaitan “Kursus ini sesuai ditawarkan kepada pelajar diploma semester satu” menunjukkan min sebanyak 4.56 dan sisihan piawainya pula ialah 0.659. Terdapat sebanyak 64.4 peratus yang sangat setuju, 26.4 peratus setuju dan hanya 9.4 peratus yang tidak pasti.

Min paling rendah ialah adalah bagi pernyataan tentang “Kandungan kursus ini membuatkan saya bersedia mencari bahan rujukan tambahan yang bersesuaian” mendapat sebanyak 41.2 peratus yang sangat setuju, 43.8 peratus yang setuju, 14.9 peratus tidak pasti dan 0.4 peratus tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.27 dengan sisihan piawai sebanyak 0.714.

Dapatan bagi keseluruhan min yang diperolehi iaitu 4.452 dan sisihan piawai 0.534. Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban daripada aspek kandungan berada pada tahap sangat tinggi.

6.2 Objektif Kajian 2: Mengenal Pasti Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Pengajaran pensyarah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

Jadual 5: Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap pengajaran pensyarah kursus.

Penilaian	Peratusan					Min	Int.	SP
	STS	TS	TP	S	SS			
Pengajaran pensyarah menarik minat saya untuk mengulang kaji kursus	0	1.2	8.9	43.7	46.3	4.35	Sangat tinggi	0.688
Pengajaran pensyarah memberi kesan membentuk nilai yang baik dalam diri sendiri.	0	0.9	5.8	37.8	55.6	4.48	Sangat tinggi	0.643

Saya berpuas hati dengan huraian pensyarah kursus ini.	0	0.9	6.3	35.9	57.0	4.50	Sangat tinggi	0.649
Saya berpuas hati dengan kaedah pengajaran kursus ini.	0	1.1	7.1	41.1	50.7	4.41	Sangat tinggi	0.672
Pengajaran dalam Bahasa Melayu adalah sesuai untuk kursus ini	0	0	4.2	24.4	71.5	4.67	Sangat tinggi	0.549
Pengajaran pensyarah memberi kesan untuk saya lebih memahami kursus ini	0	0.5	6.5	43.2	50.0	4.43	Sangat tinggi	0.628
Pensyarah sentiasa bersedia dengan apa yang ingin diajar.	0	0	4.3	32.5	63.3	4.60	Sangat tinggi	0.569
Pensyarah sentiasa bersedia menjawab kemusykilan yang diajukan pelajar.	0	0.5	4.6	31.2	63.7	4.58	Sangat tinggi	0.602
Pensyarah sentiasa bersedia menyampaikan isi pengajaran kursus dengan sistematik	0	0	4.6	33.8	61.5	4.57	Sangat tinggi	0.585
Pensyarah sentiasa mengaitkan apa yang diajar dengan bidang yang diambil	0	0.7	5.7	32.7	61.1	4.54	Sangat tinggi	0.636
Pensyarah bersungguh dalam menyampaikan Pengajaran.	0	0	3.4	30.7	65.9	4.63	Sangat tinggi	0.549
Pensyarah sentiasa mengaitkan pengajaran kursus ini dengan isu semasa.	0	0	3.7	31.8	64.4	4.61	Sangat tinggi	0.560
Pensyarah sentiasa memastikan pelajar dapat mengikuti apa yang diajar.	0	0.4	5.2	35.7	58.8	4.53	Sangat tinggi	0.613
Kesungguhan pensyarah melambangkan penguasaan kepada topik yang diajar.	0	0.7	4.3	34.5	60.4	4.54	Sangat tinggi	0.618

Min keseluruhan = 4.532 Sisihan Piawai = 0.519

Berdasarkan jadual 5, analisa memaparkan peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap pengajaran pensyarah. Hasil penemuan diperolehi daripada pernyataan “Pengajaran dalam Bahasa Melayu adalah sesuai untuk kursus ini” mencatat min tertinggi iaitu 4.67 dan sisihan piawainya ialah 0.549. Terdapat sebanyak 71.5 peratus yang sangat setuju, 24.4 peratus yang setuju dan 4.1 peratus responden tidak pasti.

Min kedua tertinggi adalah bagi pernyataan berkaitan ialah “Pensyarah bersungguh dalam menyampaikan pengajaran” menunjukkan min sebanyak 4.63 dan sisihan piawainya pula ialah yang tidak pasti.

Min paling rendah ialah adalah bagi pernyataan tentang ialah “Pengajaran pensyarah menarik minat saya untuk mengulang kaji kursus” mendapat sebanyak 46.3 peratus

yang sangat setuju, 43.7 peratus yang setuju, 8.9 peratus tidak pasti dan 1.1 peratus tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.35 dengan sisihan piawai sebanyak 0.688.

Penemuan ini secara keseluruhannya memperolehi min sebanyak 4.532 dan sisihan piawai 0.519. Ini menjelaskan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban daripada aspek pengajaran pensyarah berada pada tahap sangat tinggi.

6.3 Objektif Kajian 3: Mengenal Pasti Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Penilaian Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.

Jadual 6: Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap penilaian kursus.

Penilaian	Peratusan					Min	Int.	SP
	STS	TS	TP	S	SS			
Saya berminat dengan penilaian markah PEMBENTANGAN 30%.	1.2	0	8.8	38.1	51.9	4.40	Sangat tinggi	0.743
Saya berminat dengan penilaian markah E-FOLIO 30 %.	1.9	0.5	8.8	38.5	50.4	4.35	Sangat tinggi	0.807
Saya berminat dengan penilaian PROJEK 40%	1.9	1.1	8.9	38.5	49.6	4.33	Sangat Tinggi	0.830
Saya berpuas hati dengan pecahan markah PEMBENTANGAN.	1.1	0	8.9	33.3	56.7	4.44	Sangat tinggi	0.748
Saya berpuas hati dengan pecahan markah E-FOLIO.	1.0	0	7.5	37.8	53.7	4.43	Sangat tinggi	0.726
Saya berpuas hati dengan pecahan markah PROJEK.	1.0	0.5	8.1	37.8	52.6	4.40	Sangat tinggi	0.749
Markah penilaian berterusan sesuai untuk kursus ini.	0	0.3	7.5	30.7	61.5	4.53	Sangat tinggi	0.648
Markah 30 % PEMBENTANGAN memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini.	1.4	0.5	10.4	31.9	55.9	4.40	Sangat tinggi	0.806
Markah 30 % E-FOLIO memberi kesan untuk mendapatkan A kursus ini.	0.6	0	7.9	36.3	55.2	4.45	Sangat tinggi	0.702
Markah 40 % PROJEK memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini.	1.8	0	8.1	35.9	54.1	4.41	Sangat tinggi	0.764
Markah E-FOLIO membuatkan saya bersungguh untuk mencari bahan rujukan.	0	0.6	8.7	38.1	52.6	4.43	Sangat tinggi	0.668
Markah PROJEK membuatkan saya bersungguh untuk menghasilkan projek yang telah dirancangkan.	0.4	0.2	8.7	34.1	56.7	4.46	Sangat tinggi	0.698

Jangka masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan E-FOLIO mencukupi.	0.8	1.0	6.3	38.5	53.3	4.43	Sangat tinggi	0.726
Jangka masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan PROJEK mencukupi.	0.8	1.0	5.9	35.2	57.0	4.47	Sangat tinggi	0.724
Penilaian markah berterusan membuatkan saya sentiasa bersungguh untuk mengulang kaji kursus ini.	0.5	0.4	7.7	37.0	54.4	4.45	Sangat tinggi	0.686

Min keseluruhan = 4.443 Sisihan Piawai = 0.624

Jadual 6 menunjukkan analisa data mengikut peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap penilaian pelajar. Hasil dapatan kajian di dapati pernyataan “Markah penilaian berterusan sesuai untuk kursus ini” mencatat min tertinggi iaitu 4.53 dan sisihan piawainya ialah 0.648. Terdapat sebanyak 61.5 peratus yang sangat setuju, 30.7 peratus yang setuju dan 7.4 peratus responden tidak pasti dan 0.4 peratus tidak setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Jangka masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan PROJEK mencukupi.” menunjukkan min sebanyak 4.51 dan sisihan piawainya pula ialah 0.660. Terdapat sebanyak 58.9 peratus yang sangat setuju, 34.4 peratus setuju, 5.9 peratus yang tidak pasti, 0.4 peratus tidak setuju dan 0.4 peratus sangat tidak setuju.

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling rendah ialah “Saya berminat dengan penilaian PROJEK 30%.” mendapat sebanyak 49.6 peratus yang sangat setuju, 38.5 peratus yang setuju, 8.9 peratus tidak pasti, 1.1 peratus tidak setuju dan 1.9 peratus yang sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.33 dengan sisihan piawai sebanyak 0.830.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 4.441 dan sisihan piawai 0.624. Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban daripada aspek penilaian atau pentaksiran adalah sangat tinggi.

7. Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan yang diperolehi menjelaskan bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap isi kandungan, pengajaran pensyarah dan penilaian kursus bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban adalah tinggi. Isi kandungan yang terdapat dalam kurikulum kursus ini adalah bertepatan dengan saranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu memberikan penekanan kepada pembentukan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Topik pertama bagi kursus ini membincangkan isu ‘Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Acuan Malaysia’ dan didapati kandungannya menyentuh realiti kehidupan pelajar yang hidup dalam masyarakat majmuk dan berbilang bangsa sejak berada di bangku sekolah sehinggalah mereka menempuh dunia pengajian tinggi di Politeknik. Justeru, proses mendapatkan ilmu secara formal yang diperolehi melalui kursus ini menjadikan pelajar lebih terarah untuk menjadikannya asas keperibadian yang lebih beretika sebagai manusia yang terpelajar hidup secara harmoni dalam satu acuan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Selain itu, kandungan kursus ini juga menampilkan kepentingan pemantapan kesepaduan Nasional yang dijadikan dasar kepada punca untuk mendapatkan sumber Penghayatan Etika dan Peradaban. Pelajar juga didedahkan

tentang perbincangan perkembangan, pergerakan idea dan amalan etika dan peradaban yang lebih global sebagai kayu ukur bagi mereka menyaksikan kehebatan tamadun umat terdahulu yang boleh dijadikan garis panduan untuk mempraktikkan kehidupan sebenar dalam masyarakat masa kini.

Walaupun dapatan kedua berkaitan penerimaan pelajar terhadap pengajaran pensyarah bagi kursus ini adalah tinggi, tetapi pengkaji ingin menjelaskan bahawa kaedah pengajaran yang pelbagai dan kreatif perlu dipraktikkan oleh pensyarah bagi meningkatkan mutu pencapaian akademik pelajar. Terdapat dua kaedah pengajaran iaitu kaedah tradisional dan moden yang telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kuliah sesuatu kursus. Tujuannya sama iaitu untuk meningkatkan pemahaman pelajar dalam suatu subjek dan boleh mencapai kemajuan dalam bidang tersebut. Hal ini dikukuhkan lagi oleh pandangan Kurt Burch (1995) yang berpandangan bahawa pelajar menerima sesuatu pengetahuan adalah sebagai suatu reformasi. Lain pula bagi pihak pensyarah yang berpandangan bahawa pengetahuan yang sebenar adalah berasaskan kepada pemahaman yang telah diperolehi oleh pelajar. Oleh itu, pensyarah perlu mengambil inisiatif menggalakkan pelajar memahami apa yang diajar oleh mereka. Walau bagaimanapun, sesuatu strategi atau teknik pengajaran akan memberikan impak yang berbeza-beza kepada pelajar secara positif atau negatif. Maka, seseorang pengajar perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka supaya pelajar tidak bosan dan mampu memahami segala yang disampaikan secara efektif dalam sesuatu sesi PdP. Justeru, penerimaan pelajar terhadap kursus yang diajar sangat berkait rapat dengan pengajaran para pensyarah. Menurut Intan Safinas et.al (2001), pensyarah hendaklah sentiasa mempamerkan sikap dan sifat yang positif. Keupayaan yang berbeza dalam kalangan pelajar menuntut agar para pengajar dapat menambah pengetahuan diri mereka untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dalam pengajaran dan cuba memahami kepelbagaian sikap gaya pembelajaran pelajar daripada kategori cemerlang dan yang lemah.

Kaedah pentaksiran bagi kursus ini seperti Projek, e-Folio dan Pembentangan dapat diterima dengan tinggi oleh para pelajar kerana pengkaji menganggap bahawa format pentaksiran secara penilaian berterusan (PB) adalah sangat membantu mereka untuk memperoleh markah yang tinggi jika dibandingkan dengan pentaksiran kursus-kursus lain yang berbentuk gabungan secara penilaian berterusan (PB) dan penilaian akhir (PA). Menurut Mohamad Azhari (2012), sebuah kursus yang baik perlulah mempunyai sistem penilaian yang baik, serta ia akan lebih berkesan kepada pelajar sekiranya mereka menerima sesuatu maklum balas. Secara tidak langsung, cara penilaian sesebuah kursus sememangnya mempengaruhi dan memberi impak kepada pembelajaran pelajar terbabit. Penilaian projek contohnya memberi peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasikan teori ilmu yang dipelajari melalui topik 4 dan 5 kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU 31042) dalam suasana realiti sebenar dalam masyarakat yang dipraktikkan melalui sesuatu projek berbentuk kajian lapangan atau secara penglibatan melalui sesuatu projek khidmat masyarakat. Ini juga mampu melatih para pelajar memiliki dan menguasai pelbagai bentuk kemahiran generik. Kemahiran generik ini merangkumi aspek-aspek kemahiran yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti kepimpinan, kerja berkumpulan, komunikasi dan menyelesaikan masalah (Rodhiah et.al, 2009).

8. Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini telah mencapai kesemua objektif kajian yang ditetapkan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dari aspek kandungan, pengajaran pensyarah dan aspek penilaian adalah sangat tinggi. Sebagaimana yang telah dijalskan tadi bahawa untuk menjadikan pengajaran kursus ini menjadi lebih menarik, maka pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang bersesuaian yang lebih menumpukan orientasi '*student centered learning*' dan penggunaan '*e-learning*' secara efektif.

Melalui kursus ini juga, para pensyarah boleh cuba untuk melaksanakan pendekatan untuk pemupukan nilai-nilai murni melalui proses pemupukan budi pekerti yang baik dalam diri pelajar. Objektifnya adalah untuk menanam nilai-nilai baik dan bertika yang patut dimiliki oleh individu yang dididik dan terpelajar. Selain itu, tugas pensyarah bagi kursus ini juga memupuk nilai-nilai individu berperanan sebagai agen perubahan dalam menjadikan masyarakat yang bertika. Pensyarah boleh memilih teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dalam memberi fokus meningkatkan tingkah laku yang bermoral, mengajar tingkah laku moral yang baru, mengukuhkan tingkah laku yang bermoral dan mengurangkan tingkah laku yang tidak bermoral dalam usaha membentuk keperibadian yang mulia dan bertika. Pendekatan ini amat relevan di semua peringkat institusi pengajian tinggi kerana pembentukan tabiat moral yang baik dalam kalangan pelajar sememangnya merupakan matlamat utama bagi sesuatu program yang bercirikan penghayatan etika dan peradaban.

Diharapkan kajian ini memberi satu motivasi dan peluang kepada para pensyarah untuk menambah baik proses PdP dan menjadikan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sebagai satu platform kepada pelajar untuk menambahkan kefahaman mereka mempraktikkan cara hidup yang bermoral dalam kehidupan seharian selain menguasai kemahiran generik.

Para pensyarah perlu mengetahui apakah yang menyebabkan pelajar meminati sesuatu kursus tersebut. Kursus yang diminati oleh pelajar berkemungkinan ia juga berkai rapat dengan ketrampilan seseorang pensyarah yang mengajarnya. Pensyarah perlulah bijak memilih teknik pengajaran pembelajaran yang bersesuaian disamping memiliki kemahiran kreatif dan kritis dalam menguasai teknologi maklumat masa kini. Pendekatan '*chalk and talk*' sepenuhnya di dalam bilik kuliah sudah pasti membosankan pelajar. Walaupun tiada satu kaedah dan teknik mengajar yang tertentu yang boleh dinobatkan sebagai kaedah yang paling sesuai digunakan untuk semua situasi pengajaran, namun kecekapan memilih teknik yang sesuai sudah pasti dapat menceriaikan suasana bilik kuliah dan merangsangkan minat pelajar terhadap kursus ini yang lebih berbentuk kognitif.

Ppensyarah boleh mempraktikkan teknik bercerita sebagai satu teknik yang mampu menarik minat pelajar. Biasanya pelajar akan lebih cepat menumpukan perhatian terhadap penceritaan pensyarah. Bercerita menjadikan pengajaran pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Pelbagai jenis cerita berunsur moral boleh didapati dengan mudah daripada akhbar, majalah, internet dan lisan. Malah, kaedah bercerita boleh merangsangkan minda dan menimbulkan minat pelajar jika pensyarah melaksanakannya secara berkesan. Banyak pengajaran dan nilai moral dapat dicungkil daripada cerita-cerita yang mengandungi unsur moral. Melalui teknik bercerita juga, orientasi '*student centered learning*' juga boleh dipraktikkan kepada pelajar yang diberikan tugas untuk bercerita kepada rakan-rakan kuliah dengan diberikan garis

panduan oleh pensyarah dalam sesi tutorial yang bercirikan penceritaan. Pensyarah boleh menganjurkan pertandingan bercerita secara spontan/berstruktur sebagai salah satu aktiviti dalam kelas.

Teknik kedua yang disarankan kepada pensyarah ialah teknik penyelesaian masalah. Teknik ini digunakan untuk menyelesaikan pelbagai masalah harian. Kaedah penyelesaian masalah juga merupakan satu cara pengajaran yang berdasarkan kaedah penyelesaian yang saintifik. Kaedah penyelesaian masalah memerlukan pelajar melakukan aplikasi menggunakan kemahiran, prinsip atau teori yang sudah mereka pelajari. Aktiviti ini perlu disertai proses pemikiran peringkat tertinggi seperti yang disarankan oleh Bloom iaitu aplikasi, analisa, sintesis dan penilaian. Terdapat pelbagai jenis aktiviti penyelesaian masalah yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu kaedah inkuiri penemuan, sumbangsaran, simulasi dan kaedah penyelesaian masalah itu sendiri. Tujuan utama menggunakan teknik penyelesaian masalah adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar menggunakan kemahiran yang sudah dipelajari bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan. Secara tidak langsung pensyarah turut melatih mereka supaya berfikiran kritis dan kreatif. Latihan berfikir ini penting kerana proses berfikir akan menjurus kepada aktiviti membuat keputusan.

Antara prinsip menyelesaikan masalah di dalam bilik kuliah yang boleh dipraktikkan dalam sesi tutorial ialah selepas mempelajari sesuatu topik tertentu, pelajar diminta untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang diberi oleh pensyarah. Dengan cara ini pelajar dapat mengaplikasi kaedah yang baru dipelajari dengan permasalahan sebenar. Melalui cara ini pemahaman pelajar dapat diperkukuhkan dengan aktiviti-aktiviti penyelesaian masalah. Namun begitu, isu dan masalah yang ditampilkan oleh pensyarah perlulah mengambil kira pengetahuan dan pengalaman sedia ada pelajar. Tujuannya bagi membolehkan pelajar dari pelbagai aras kecerdasan dapat menyelesaikan masalah yang diberikan. Sekiranya masalah yang disediakan terlampau sukar, maka pelajar akan hilang minat kerana gagal menyelesaikannya dan begitulah sebaliknya. Pensyarah seharusnya memberikan tunjuk ajar berhubung dengan penyelesaian masalah kepada pelajar terlebih dahulu sebelum mengemukakan sebarang masalah untuk di selesaikan. Pensyarah perlu menerangkan langkah-langkah penyelesaian untuk panduan pelajar. Latihan akan menjadi lebih mudah jika pensyarah memberikan contoh masalah dan melengkapkannya dengan cara penyelesaian masalah kepada pelajar. Pensyarah perlulah mengelakkan daripada memberikan jawapan kepada permasalahan yang dikemukakan. Mereka perlulah dibimbing dengan mencari jalan dan alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana 'lebih baik mengajarkan kemahiran memancing daripada memberikan ikan untuk dimakan' kerana kemahiran tersebut dapat digunakan oleh mereka sepanjang hayat. Justeru, teknik dan kaedah pengajaran bagi sesuatu kursus adalah penting untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi semakin menarik dan efektif bagi memastikan pengajaran pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dapat dihayati oleh pelajar dengan sebaiknya.

Sebagai saranan daripada pengkaji, kajian yang dijalankan kali ini hanya membataskan isu kepada mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kursus Penghayatan Etika dan Peradaban hanya di sebuah institusi iaitu di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah. Maka hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan Politeknik Malaysia secara amnya. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kesinambungan kajian ini perlulah dilakukan ke atas seluruh Politeknik Malaysia dan memilih beberapa politeknik sebagai sampel kajian bagi mengetahui hasil dapatan yang lebih menyeluruh dan utuh. Memandangkan kajian ini merupakan satu bentuk kajian

deskriptif, maka adalah dicadangkan agar kajian lain perlu dilakukan mendapatkan hasil kajian secara korelasi, secara kajian kes, atau kajian perbandingan sebab-akibat atau kajian eksperimental sewajarnya dilakukan oleh pengkaji lain di masa-masa akan datang. Maka dengan itu aspek-aspek tertentu yang hendak diketahui melalui maklumat-maklumat baru akan dapat diperincikan secara lebih spesifik dan jitu.

9. Penutup

Semua pihak perlu menggembeling tenaga semaksimum yang mungkin bagi memastikan pewaris generasi kini, khususnya para remaja dan belia yang perlu dibimbing untuk berada di atas landasan hidup beragama dan bermoral. Pengkaji berharap agar dapatan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan oleh pihak-pihak berkaitan bagi mengenal pasti kedudukan dan pencapaian kursus ini sebagai sah satu matlamat bagi generasi belia menjelaskan kepentingan mereka menentukan kejayaan masyarakat dan negara Malaysia di masa hadapan. Maka dengan ini, generasi belia kini sewajarnya memahami konsep-konsep penting tentang perbincangan isu negara bangsa dan mengenal pasti ciri-ciri umum sebuah negara bangsa. Dalam masa yang sama mereka perlu mengetahui faktor-faktor utama yang boleh membantu dan menghalang pembentukan sesebuah negara bangsa. Justeru, pembangunan negara adalah penting untuk mencapai kesejahteraan rakyat supaya semua rakyat tanpa mengira kaum dapat menikmati kehidupan yang sempurna. Dengan demikian, dasar-dasar pembangunan perlu dibentuk bagi mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni.

10. Rujukan

- Abdul Rahman A. (1986). *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abd Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak, & Rashdan Rashid. (2011). *Punca Stres di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*. PTSS Digest 2011, Perlis.
- Abd. Rashid Abdul Halim @ Jaafar. (2015). *Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-Pelajar Jurusan Kejuruteraan Teknologi Di Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institute*, e-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, 9-10 March 2015, Kuala Lumpur.
- Azeem, C.M., dan E.J. Nadawiyya. (2012) *Educational Problems of Muslim Adolescents: A Study with Special Reference to Malabar Region*. Academic Research International. 2(1): 545– 556.
- Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, Fazilah Idris, Maznah Ibrahim & Alawiah Ibrahim. (2001). *Kaedah Pengajaran Berkesan: Antara Keperluan Pelajar dan Realiti Pengajaran Pengajian Jarak Jauh*, MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara. 81-95.
- Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. (2009). *Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia*. Seminar Nasional

Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-16 pada 21 –24 Julai 2009 di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970), *Determining Sampel Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement*.
- Mohamad Azhari Abu Bakar. (2012). *Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar*. Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012.
- Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore & Ahmad Zamri Khairani. (2014). *Mengenal Pasti Cabaran Pelajar Politeknik Di Malaysia Menerusi Model Rasch*. Journal of Quality Measurement and Analysis, 10(1), 59-74.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Razak. (2017). *Sikap dalam Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar di Politeknik Perak*. Tinta Artikulasi Membina Ummah. Vol 3(1) June 2017. 1-14.
- Rodiah Idris, Siti Rahaya Ariffin & Noriah Mohd Ishak. (2009). *Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI) vol. 6 (2009).103-140.
- Nur Farhana Abdul Rahman dan Khadijah Mohd Khambali (2013). *Religious Tolerance in Malaysia : Problems and Challenges*. International Journal of Islamic Thought 3, 81.
- Rubiah Abu Bakar & Abdul Manam Mohamad. (2015). *Penerimaan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) Di UiTM*, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 9 Januari 2015. 25-40.
- Syed Muhammad al Naquib bin Ali al-Attas (1992). *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC)).
- Thiroux, Jacques P. (2001). *Ethics : Theory and Practice*. 7th ed.; Upper Saddle River, N.J. : Prentice Hall.
- William Wiersma. (1986). *Research Methods in Education: An Introduction*. Massachusetts: Allyn and Bacon, Inc.
- Vishalache, B. (2007). *Kesan menggunakan Dilema Kehidupan Sebenar dalam Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Moral*. Jurnal Masalah Pendidikan, 30(1), 101-112. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.